



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Kandungan

Berita KPIM	3
Kualiti di tempat kerja	4
Open Collections in USIM Library	5
Sejarah Pengautomasian Perpustakaan	5
Apa itu Nombor Panggilan	6
Bacalah....	7
Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan	8
Dari Meja Rujukan Maklumat	8
Ulasan Buku	9

Perpustakaan Berwajah Baru



Perkembangan Teknologi Perpustakaan USIM

Perpustakaan USIM kini berubah wajah dalam penyediaan e-perkhidmatan kepada para pengguna. Dengan adanya kemudahan mesin BookDrop dan SelfCheck, para pengguna kini dapat menikmati kemudahan peminjaman dan pemulangan dengan cara layan diri tanpa perlu berbaris panjang di kaunter Sirkulasi. Perkhidmatan mesin BookDrop yang beroperasi 24 jam akan memudahkan lagi para pengguna memulangkan bahan Perpustakaan pada bila-bila masa. Sejarar dengan era perkembangan teknologi, para pengguna boleh mengakses Katalog Perpustakaan USIM secara atas talian (OPAC) dan akaun pengguna Perpustakaan di alamat <http://library.usim.edu.my>. Perpustakaan kini dalam usaha meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan supaya lebih efektif dan efisien kepada para pengguna pada masa-masa akan datang.

Bangunan tetap Perpustakaan mula dibina....

Seiring dengan perkembangan dan kemajuan universiti serta peranan Perpustakaan dalam menyokong proses pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan di USIM, bangunan baru Perpustakaan USIM sedang giat dibina dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2009. Kemajuan kerja pembinaan bangunan tersebut sehingga penghujung bulan Jun 2007 adalah sebanyak 6.22%.

Adalah diharapkan dengan siapnya bangunan ini nanti Perpustakaan USIM akan dapat mempertingkatkan lagi pembangunan prasarananya dan memperkukuhkan infrastruktur perpustakaan yang meliputi penyediaan perkhidmatan maklumat yang menyeluruh serta dapat memberi keselesaan dan menarik minat pengguna ke perpustakaan.



Kata-kata Muan Ketua Pustakawan

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tahniah kepada Sidang Redaksi Buletin Iqra' yang telah berjaya menerbitkan Buletin ini buat pertama kalinya.

Sebagai lidah rasmi Perpustakaan USIM, buletin ini pastinya akan berusaha menjadi rujukan bagi isu-isu di sekitar dunia penerbitan ilmiah khususnya, sama ada penerbitan secara bercetak atau elektronik, yang terdapat di Perpustakaan USIM dan yang boleh diakses di luar.

Maklumat-maklumat ini pula kemudiannya diharap akan mampu untuk dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh semua warga USIM.

Ummum mengetahui dan bersetuju bahawa sebuah perpustakaan dalam sesebuah institusi

pengajian tinggi merupakan nadi kepada semua aktiviti yang dilaksanakan. Ia berperanan dari sudut penyediaan sumber-sumber ilmu dan maklumat yang boleh dirujuk bagi memastikan setiap aktiviti tersebut memberi kesan besar dari segi intelektualnya.

Saya berharap Buletin ini mampu untuk berperanan sebagai perantara di antara Perpustakaan dengan para pengguna dalam menyampaikan maklumat-maklumat berguna berkaitan sumber-sumber ilmu dan maklumat yang terkini. Ia juga diharapkan agar dapat menyampaikan berita-berita berkenaan perkembangan Perpustakaan USIM khususnya dari sudut perkhidmatan, kemudahan, koleksi



dan pentadbirannya.

Akhirnya, saya doakan agar penerbitan Buletin ini mempunyai impak yang positif dalam proses pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan di Universiti ini.

Sekian, wassalam.

JASMIN JAIMON
Ketua Pustakawan

Kata-kata Muan Editor

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tetinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadirat Illahi kerana akhirnya kelahiran Buletin ini menjadi satu realiti.

Sesuai dengan namanya, Buletin Iqra' ini diharapkan akan dapat menjadi pemangkin kepada penggalakan budaya membaca di kalangan warga kampus. Ia bertujuan untuk menyebarkan berita-berita mengenai perkembangan terkini di Perpustakaan USIM, dari sudut koleksi, perkhidmatan dan kemudahan. Artikel-artikel yang dikira bersesuaian dengan aspirasi Perpustakaan juga akan turut diselitkan sebagai santapan minda. Penerbitan sulung ini akan dilanjutkan dengan penerbitan-penerbitan yang seterusnya dalam tempoh 6 bulan sekali.

Selamat membaca. Wassalam.

Nor Azzah Momin.
Editor

Sidang Redaksi Buletin Iqra'

Penasihat/Ketua Editor :

En. Jasmin Jaimon

Editor:

Pn. Nor Azzah Momin

Pengarang:

En. Sanizan Sardzi.

Pn. Marhaniza Abdul Halim.

Pn. Hasmida Saleh.

Cik Norlizawaty Tumim

Pembantu Penerbitan :

Pn. Alyani Md Ariffin

Cik Azreena Surya b. Ahmad

En. Mohd. Zulkarnain Shahdan

Wartawan:

En. Mohd. Helmi Masor @ Mansor.

Pri. Wan Azura Radzuan.

En. Hafas Ayob.

Jurugambar:

En. Swan Effendy Abu Bakar.

Pemasaran/Edaran:

Cik Aishahtun Abd. Majid.

Cik Suharti b. Tulos @ Abd Jalil.

Berita KPIM

NILAI - Pada 18 Disember 2006 (Isnin), Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah berjaya menganjurkan Seminar dan Mesyuarat Kumpulan Perpustakaan Islam Malaysia (KPIM) yang pertama.

Program yang berbentuk dua dalam satu itu berjaya mengumpulkan lebih daripada 20 perpustakaan Islam seluruh Malaysia.

Antara objektif yang digariskan ialah membina hubungan silaturahim serta mewujudkan pertukaran sumber maklumat dan perkongsian pintar (sumber manusia, kepakaran, tanda aras, "best practices", dan pengalaman) dalam pengurusan perpustakaan.

Naib Canselor USIM, dalam ucapan perasmian beliau yang dibacakan

oleh Prof. Dr. Bachok Md. Taib, Pengarah Pusat Pengajian Siswazah USIM, telah memuji kesediaan semua pihak untuk bekerjasama dalam merealisasikan KPIM.

Dalam menjayakan seminar, KPIM kali pertama ini, dua tokoh dalam bidang sains maklumat telah dijemput iaitu Dato' Zawiyah Baba iaitu mantan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dan Dato' Prof. Dr. Raja Abdullah Raja Yaacob, pensyarah Fakulti Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA.

Mereka telah membentangkan kertas kerja yang berjudul "Penubuhan Kumpulan Pustakawan Islam Malaysia: cabaran dan realiti" dan "Islamic information and knowledge (collections): issues and challenges".

Selain itu, Perpustakaan USIM telah diberi kepercayaan untuk menjadi urus setia KPIM selain bertanggungjawab ke atas kelangsungan hayat KPIM.

Antara program yang telah dirancang adalah forum atau bengkel khas mengenai pengurusan teknikal bahan-bahan Islam, direktori Perpustakaan Islam Malaysia, penganjuran Congress of Muslim Librarians and Information Scientists (COMLIS), dan lawatan.

Diharapkan melalui KPIM, perkhidmatan dan kualiti perpustakaan-perpustakaan Islam dan perpustakaan yang mempunyai koleksi Islam akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Oleh:
AHMAD YAZID AHMAD @
ABDUL RAHMAN



Kumpulan Inovatif & Kreatif Perpustakaan 2007

Nama Kumpulan:
EPITOME

Fasilitator:
Pn. Hasmida Saleh.

Ketua Kumpulan:
En. Mohd Jamil Ahmad Mokhtor.

Ahli-ahli:

Pn. Wan Azura Radzuan
(Setiausaha).
Cik Nur Haizum Alias.
Pn. Rafeah Hassan.
E. Hasrizal Yahya.
Cik Azreena Surya Ahmad.

**Catatan Pencapaian KMK/KIK
Perpustakaan**

Tempat Pertama dalam
Konvensyen KMK KUIM 2005.

Tempat Ke-2 dalam Konvensyen
KIK KUIM 2006.

Kualiti Di Tempat Kerja

Bagi kebanyakan orang ramai yang sering berurusan di Jabatan Kerajaan, mereka sering merasa tidak berpuas hati dengan layanan yang diterima. Situasi seperti ini boleh berlaku memandangkan kakitangan Jabatan Kerajaan yang berjumlah hampir 1.2 juta tidak mengamalkan seratus peratus perkhidmatan berkualiti.

Perkhidmatan berkualiti bermaksud perkhidmatan yang dapat memuaskan kehendak pelanggan. Untuk melaksanakannya Kerajaan telah menggariskan beberapa peraturan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA). Peraturan dan panduan tersebut jika dapat dihayati dan diterapkan dalam perkhidmatan awam, akan dapat menambah baik sektor ini. Selalunya amat sukar bagi kakitangan kerajaan untuk menghayati dan menerapkan peraturan dan panduan tersebut, sehingga kerajaan terpaksa berbelanja berjuta-juta ringgit bagi tujuan tersebut.

Garis panduan dari PKPA ini adalah bertujuan bagi merangsang kakitangan kerajaan agar lebih berinovatif dan kreatif dalam menjalankan tugas. Garis panduan tersebut juga membolehkan pelanggan mendapat perkhidmatan yang lebih baik dan berkualiti. Jika diandaikan 90% kakitangan kerajaan dapat menghayati dan menyelami garis panduan tersebut, perkhidmatan di jabatan kerajaan akan menjadi perkhidmatan yang terbaik di dunia dan akan menjadi satu model perkhidmatan yang berteraskan ciri-ciri Islam.

Perlaksanaan perkhidmatan kualiti memerlukan komitmen yang tinggi dari kakitangan. Selain mengikuti

panduan yang diberikan, perkhidmatan kualiti juga memerlukan satu inovasi baru dan juga penambahbaikan setiap masa. Inovasi dalam perkhidmatan awam perlu bagi meningkatkan mutu perkhidmatan. Anugerah Inovasi di sektor awam adalah salah satu cara bagi menyemarakkan dan menambah hasil inovasi. Penambahbaikan perkhidmatan pula boleh dilaksanakan melalui pelaksanaan ISO di tempat kerja, Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Key Performance Indicator (KPI).



Perkhidmatan berkualiti di sektor awam bukan satu tugas yang dibebankan kepada kerajaan semata-mata, tetapi harus didukung bersama oleh Kesatuan Sekerja dan Persatuan-Persatuan Kakitangan yang diwujudkan di setiap jabatan kerajaan. Kesungguhan Kesatuan dan Persatuan Pekerja amat diperlukan bagi menjamin pelaksanaan perkhidmatan berkualiti dapat dilaksanakan sebaiknya. Persatuan adalah wadah bagi kakitangan menyuarakan hak dan pendapat, tetapi jangan sekali Persatuan Pekerja ini memperjuangkan secara total perkhidmatan berkualiti di sektor awam. Peranan persatuan adalah penting bagi memberi tekanan dan kesedaran kepada kakitangan perihal pentingnya perkhidmatan berkualiti.

Masalah utama yang dihadapi oleh pihak penguurusan dalam sektor awam bagi melaksanakan kualiti ialah sikap kakitangan yang tidak bersungguh-sungguh dalam menerapkan kualiti. Perubahan sikap kakitangan tersebut akan lebih menonjol lagi apabila tidak mendapat apa yang dihayati seperti kenaikan pangkat dan gaji, tempat kerja yang tidak kondusif dan beberapa perkara negatif sifat dalaman kakitangan tersebut. Masalah sikap ini dapat diperbaiki dengan menggalakkan kakitangan memajukan diri sendiri seperti melanjutkan pelajaran bagi mendapat kelulusan yang lebih tinggi, memberi motivasi tempat kerja oleh Ketua Jabatan atau rakan sekerja dan juga penyampaian maklumat yang telus kepada kakitangan.

Sikap keterbukaan Ketua Jabatan boleh mempengaruhi perkhidmatan kualiti. Ketua Jabatan yang terlalu jumud dan bersikap negatif menghalang perkhidmatan kualiti di sektor awam. Perkhidmatan berkualiti memerlukan ketua jabatan yang bersikap positif, sedia menerima pandangan dan kritikan dari pelanggan, mempunyai pandangan yang luas dalam bidang kerja yang dilakukan dan sentiasa bekerjasama dengan kakitangan bawahan untuk sentiasa memperbaiki perkhidmatan yang diberikan.

Di sesetengah jabatan kerajaan pula pelaksanaan garis panduan pekeliling tentang kualiti lambat dilaksanakan kerana kurang kefahaman tentangnya. Terdapat pula jabatan kerajaan yang tidak mempedulikan langsung pekeliling tersebut. Dengan tidak melaksanakan pekeliling tersebut perkhidmatan berkualiti tidak dapat dijalankan dengan sempurna.

LIHAT MUKA 7

Open Collections in USIM Library

The Open Collections comprises of monograph of all discipline. The General Collections is the main collection of the library with over 20,000 volumes. Books may be borrowed by members according to their eligibility. The General Collection begins with the Library of Congress classification "B" through "Z" located at wing B in the library.

The Open collections of the Islamic Science University of Malaysia Library (USIM) have been built through the effort of generations of librarians, faculty, lecturers, alumnae who have shared the vision of building a premier collection, one that provides the range of resources needed to support teaching and learning at USIM.

In building the collections, the library seeks to achieve a rich mix of print and online resources of each format to meet the needs of USIM scholars. We adapt our strategies to ensure that we are providing resources in the forms and formats that are the most accessible and useful to our users.

Our primary responsibility is to meet the study and research needs of our students and the basic research needs of the faculty. We also support the basic information needs of the staff of the University.

By: MARHANIZA ABDUL HALIM.

PEGAWAI PENGHUBUNG FAKULTI

Fakulti Syariah dan Undang-undang

Pn. Nor Azzah Momin
Pn. Azlina Othman

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Cik Harianti Husain

Fakulti Sains dan Teknologi

Pn. Marhaniza Abdul Halim

Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Pn. Hasmida Saleh

Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Cik Aishah Tun Abdul Majid

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

En. Ahmad Abdul Wafi Abdul Karim
Cik Rozana Kamdani

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan & Fakulti Pergigian

En. Sanizan Sardzi

Pusat Pengajian Umum

En. Mohd Helmi Masor @ Mansor

Pusat Pengajian Siswazah

En. Ahmad Yazid Ahmad @ Abdul Rahman



Sejarah Pengautomasian Perpustakaan

Sejarah pengautomasian Perpustakaan USIM bermula pada tahun 2001 dengan membangunkan Sistem Perolehan dengan kerjasama Pusat Teknologi Maklumat bagi melaksanakan tugas-tugas perolehan bahan perpustakaan dengan lebih efektif dan berkesan. Pada masa yang sama sistem pengkatalogan Perpustakaan USIM dipermudahkan dengan adanya Sistem Pengkatalogan OCLC (Online Computer Library Center). Sistem ini dapat menyimpan data dalam bentuk MARC (Machine Readable Catalog), di mana rekod-rekod MARC ini dapat memudahkan proses pemindahan data apabila perpustakaan melaksanakan Sistem Perpustakaan Berautomasi.

Pada Januari 2006, sistem pengurusan dan pentadbiran Perpustakaan USIM telah beralih era perkhidmatan secara manual kepada penggunaan berasaskan sistem sepenuhnya dengan perolehan Sistem Virtua Perpustakaan bersepadu. Dengan adanya Sistem Virtua telah memudahkan pihak pengurusan dan pentadbiran dalam melaksanakan tugas harian serta perkhidmatan yang ditawarkan.

Para pengguna perpustakaan USIM boleh mengakses bahan-bahan di Perpustakaan melalui Online Public Access Catalogue (OPAC) di alamat <http://library.usim.edu.my>. Selain itu juga para pengguna perpustakaan boleh menyemak rekod-rekod peminjaman/denda semasa serta membuat pembaharuan peminjaman melalui atas talian sebanyak 2 kali.

Mutu perkhidmatan perpustakaan dipertingkatkan lagi pada awal tahun 2007 dengan pemasangan Sistem Keselamatan Bahan Perpustakaan yang berasaskan sistem RFID. Pihak Perpustakaan telah menawarkan perkhidmatan layan diri dengan adanya 2 unit *SelfCheck machine* dan 1 unit *Smart BookDrop*. Kini para pengguna boleh menikmati kemudahan pemulangan bahan Perpustakaan 24 jam melalui perkhidmatan BookDrop yang disediakan.

Oleh: MOHD HELMI MASOR @ MANSOR

Apa itu Nombor Panggilan @ Call Number?

Nombor Panggilan atau Call Number merupakan nombor unik berdasarkan kombinasi di antara huruf dan nombor yang diberikan kepada setiap bahan di perpustakaan melalui skim pengelasan. Melalui nombor panggilan ini, ia dapat memudahkan pencarian bahan dan penyusunan bahan ke rak mengikut bidang perkara yang sama.

Nombor panggilan yang diberikan kepada bahan-bahan di Perpustakaan USIM adalah berdasarkan Library of Congress Classification Scheme (LCCS) yang menggunakan huruf A-Z. Tujuan utama penggunaan skim ini ialah untuk mengelas bahan-bahan di perpustakaan mengikut susunan kategori-kategori kelas yang telah ditetapkan. Ia juga digunakan untuk membezakan satu sumber maklumat dengan sumber yang lain.

Biasanya, setiap bahan akan dilekatkan dengan label nombor panggilan di sudut bawah tulang buku atau di sudut bawah kulit buku bahan. Pengguna boleh membuat carian bahan melalui Katalog Awam Atas Talian (OPAC). Setelah dikenalpasti bahan yang diperlukan, pengguna boleh mencatat nombor panggilan bahan tersebut dan mencarinya di rak.

Call Number BF637.C6 .H3153 2003

ISBN 0761972072

Title Handbook of counselling psychology / edited by Ray Woofe, Windy Dryden, Sheelagh Strwbridge

Publication London : Sage Publications, 2003

Added Author Woolfe, Ray
Added Author Dryden, Windy.

Subject Counselling -- Great Britain.

Subject Psychology, Applied.

Accession No 0000015746


Contoh rekod bahan di OPAC

BF – Merujuk kepada bidang perkara
Pemikiran, Psikologi

637.C6 – Merujuk kepada sub bidang perkara

.H3153 – Nombor Cutter (nama pengarang @
judul)

2003 – Tahun Terbitan



Oleh : HASMIDA SALEH

Kejohanan Badminton "Kiter-kiter 2007"

24 Mac 2007 – Satu kejohanan badminton anjuran Biro Sukan dan Rekreasi Kelab Kakitangan Perpustakaan USIM telah diadakan di Dewan Orang Ramai Taman Semarak, Nilai. Sebanyak 4 kumpulan telah bertanding, terdiri daripada kakitangan Jabatan Perpustakaan sendiri dan ahli keluarga mereka. Kumpulan Belasah Ajer telah menyapu bersih kemenangan dari setiap kategori yang dipertandingkan.

Tahniah diucapkan kepada kumpulan yang berjaya. Kepada yang tewas, cuba lagi pada tahun hadapan.

Keputusan penuh:

Johan - Kumpulan C (Belasah Ajer).
Naib Johan - Kumpulan A (Suria Biru).
Ketiga - Kumpulan B (Saidina Ali).
Keempat - Kumpulan D (Rombongan Kak Peah).



Bacalah.....

Jika anda bertanya kepada seseorang, "Anda suka membaca?" Tentu jawapan yang anda akan terima adalah pelbagai. Antara jawapan yang akan diberikan mungkin begini:

"Tiap-tiap hari saya baca surat khabar. Kira membaca juga tu. Macam-macam ilmu ada dalam tu."

Ada pula yang jawab, "Saya pun baca surat khabar, tapi ruangan sukan dan hiburan saja. Yang lain tu tak minatlah."

Jawapan lain yang mungkin agak ber-nas, "Saya suka baca novel-novel saja. Macam-macam kisah kehidupan yang kita boleh dapat. Boleh buat pengajaran dan panduan dalam hidup kita. Buku yang berat-berat, saya tak baca. Malas nak fikir, beratkan otak. Masa belajar dulu bolehlah."

Mereka yang masih belajar mungkin akan jawab begini, "Saya memang selalu membaca, baca nota-nota pelajaran, buku-buku rujukan dan buku-buku teks. Buku-buku lain saya tak sempat baca. Tumpuan saya sepenuhnya kepada pelajaran saya."

Manakala mereka yang tidak suka membaca pula mungkin akan berkata seperti ini:

"Saya tak tahu nak baca apa. Semuanya tak menarik minat saya. Lebih baik saya tonton televisyen. Dalam Astro...macam-macam ada..". Atau mereka akan jawab pula begini, "Saya tak ada masa nak membaca. Jadual harian saya padat. Urusan saya banyak. Pergi kerja, uruskan keluarga, anak-anak, rumah tangga. Mana saya ada masa nak membaca?"

Ada pula yang beri alasan ini, "Buku-buku mahal lah sekarang, buku kanak-kanak pun dah lebih RM10. Buku orang dewasa lagilah mahal. Mana saya mampu nak beli..". Memang pelbagai alasan yang kita akan terima sama ada yang positif atau pun negatif.

Alangkah baiknya kalau semua orang berfikiran seperti ini, "Saya suka baca apa-apa saja bahan bacaan. Setiap kali saya membaca, saya mesti dapat ilmu-ilmu baru yang saya tak tahu lagi. Dengan membaca, saya jadi lebih tahu daripada sebelumnya."

Malah yang lebih berwawasan menjawab begini, "Memang buku mahal, tapi sebab dah minat, saya pinjam saja di mana-mana, dengan kawan, pinjam di perpustakaan, saya jadi ahli pada banyak perpustakaan awam, murah saja yuran keahliannya. Lagi pun sekarang dah ada banyak kedai yang sewakan buku. Bayar RM2 atau RM3, dah dapat baca sebuah buku."

Pernah dengar pepatah Melayu, hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih? Anda boleh beri bermacam-macam alasan untuk tidak membaca. Namun, bolehkah anda beri alasan kenapa anda harus menolak dari menerima arahan ini, "Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk)", (Surah Al-'Alaq, Ayat 1)? Apa alasannya?

Sekarang cuba kita sama-sama fikirkan, adakah Allah akan perintahkan kita membuat sesuatu yang sia-sia? Pasti ada sebab dan hikmahnya. Justeru itu, di peringkat awal ini paksa lah diri...Bacalah... Anda akan rasai kenikmatannya.

Oleh: NOR AZZAH MOMIN

DARI MUKA 4

Masalah ini dapat diatasi dengan kerajaan perlu membelanjakan wang bagi membangunkan sumber manusia melalui latihan dan meningkatkan pengetahuan kakitangan. Melalui latihan ini kakitangan akan lebih peka dan sedar akan pentingnya perkhidmatan berkualiti.

Terdapat juga kakitangan awam yang mahir dan berpengetahuan dalam perkhidmatan berkualiti. Kakitangan tersebut sentiasa memajukan diri dengan menimba ilmu sama ada melalui kursus, seminar, bengkel atau melalui pembacaan. Menurut kajian Perpustakaan Negara Malaysia hanya 2 buah buku dibaca oleh Warga Malaysia setiap tahun. Ini dapat menggambarkan bahawa kakitangan awam juga kurang membaca. Kurangnya usaha-usaha untuk mendapat maklumat mengakibatkan kakitangan awam kurang kompeten dalam kerjayanya. Kakitangan yang mahir dan berpengetahuan dalam bidang perkhidmatan berkualiti akan menjadi kristal bagi kakitangan lain yang kesedaran tentang kualiti tidak mencapai tahap maksimum.

Kesimpulannya perkhidmatan berkualiti di jabatan kerajaan adalah penting bagi menaikkan citra jabatan kerajaan selain daripada memuaskan kehendak pengguna. Perkhidmatan berkualiti juga merupakan amalan yang dituntut dalam Islam. Kesedaran dalam memberi perkhidmatan berkualiti adalah penting bagi semua kakitangan awam agar penambahbaikan perkhidmatan dan kecemerlangan perkhidmatan awam dapat diteruskan dengan jayanya.

Oleh: JASMIN JAIMON

Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan

Perpustakaan USIM menyediakan perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP) kepada semua warga Universiti mengikut kelayakan masing-masing. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh Unit Rujukan, Perpustakaan.

Perkhidmatan PAP ini juga dikenali dengan Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP) dan telah dilancarkan pada 2 Jun 1998. Sistem ini membolehkan perkongsian bahan-bahan perpustakaan dilaksanakan di kalangan ahli SPP. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) merupakan Pusat Penyelaras SPP.

Objektif SPP adalah untuk memperbaiki penyediaan dan bekalan penerbitan dalam bentuk asal atau salinan terutamanya melalui perpustakaan daripada sumber-sumber negara dan antarabangsa untuk bakal pengguna di dalam negara

Salinan (fotokopi) kepada bahan-bahan asal yang tidak dapat dipinjam boleh dibekalkan atas permohonan, dengan syarat permohonan seperti ini adalah selaras dengan peruntukan Akta Hakcipta 1987. Bahan-bahan yang diterbitkan seperti tesis perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu dari penulis.

Tempoh pinjaman bagi sesuatu bahan ialah sebulan. Namun perpustakaan pembekal berhak mengurangkan tempoh pinjaman, sekiranya bahan tersebut diperlukan oleh pengguna lain. Pembaharuan pinjaman boleh dibuat bagi tempoh tidak melebihi 2 minggu jika bahan-bahan tersebut ditempah oleh pengguna/perpustakaan lain.

Cara untuk memohon Perkhidmatan PAP adalah dengan mengisi borang PAP yang dise-

diakan di Perpustakaan USIM di mana ia juga boleh didapati dari laman web USIM <http://www.usim.edu.my>, di Bahagian Direktori&Rujukan/Download Borang/Perpustakaan. Borang yang telah diisi hendaklah dihantar kepada Unit Rujukan untuk diproses. Bagi bahan dalam Negara, permohonan akan diperolehi dalam tempoh 14 hari dan bagi bahan luar Negara dalam tempoh 3 bulan.

Oleh: MARHANIZA ABDUL HALIM



Dari Meja Rujukan Maklumat

Soalan:

Bagaimanakah kaedah pencarian bahan menggunakan Online Public Access Catalog (OPAC) Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)?

Jawapan:

Online Public Access Catalog (OPAC) Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) boleh diakses melalui laman web <http://library.usim.edu.my>. Secara umumnya, fungsi OPAC adalah sebagai panduan arah yang membantu pengguna perpustakaan mencari dan mengesan bahan-bahan yang terdapat di dalam perpustakaan. Pencarian bahan menggunakan OPAC lebih mudah dan pantas berbanding pencarian menggunakan kad katalog mahupun secara manual (terus cari di rak).

Terdapat empat kaedah pencarian bahan menggunakan OPAC iaitu Browse, Keyword, Heading Keyword, dan Expert. Namun, kaedah yang selalu digunakan oleh pengguna adalah Browse. Ini kerana, ia

lebih mudah dan cepat berbanding kaedah-kaedah yang lain. Walaupun begitu, oleh kerana ia menggunakan logik Boolean (kaedah pencarian berasaskan hubungan logikal) yang umum, maka hasil pencarian (hit) akan menjadi lebih besar dan tidak spesifik. Justeru, pengguna perlu meneliti lebih banyak hit bagi memastikan ia sesuai mengikut keperluan.

Melalui kaedah Browse ini, pengguna boleh mencari bahan berasaskan enam kategori iaitu penulis (author), judul (title), subjek (subject), penerbit (publisher), nombor panggilan (call number), dan judul jurnal (journal title). Pembahagian kategori-kategori ini bertujuan memudahkan pengguna mencari bahan selain memandu pencarian berlandaskan aturan yang disediakan.

Dalam erti kata lain, pengguna hanya perlu memasukkan perkataan yang bersesuaian dengan bahan yang dikehendaki serta memilih kategori. Setelah menekan butang Search, OPAC akan memberikan hit yang bersesuaian

dengan pencarian yang dilakukan. Sekiranya tiada bahan yang bersesuaian dengan pencarian maka, sistem akan memaklumkan tiada hit dan pengguna perlu mengubah atau mencuba perkataan yang lain sehingga hasil pencarian menepati kehendak pengguna.

Sekiranya pengguna menghadapi sebarang masalah dalam menggunakan OPAC, sila hubungi pegawai rujukan maklumat yang bertugas di Kaunter Rujukan sepanjang hari dari jam 10.00 pagi hingga 7.00 petang.

Oleh : AHMAD YAZID, AHMAD @
ABDUL RAHMAN

Berita Kakitangan



Aimannur Hazriq Bin Mohamad Yusrifuddin. Lahir pada 11 April 2007



Ameer Haziq Bin Azmi (anak Pn. Norlaili). Lahir pada 29 Januari 2007

En. Sanizan Sardzi, telah melangsungkan perkahwinan pada 29 April 2007 dengan pasangannya Pn. Siti Hafiza Jumat.



En. Ahmad Abdul Wafi Abd. Karim telah melangsungkan perkahwinan pada 18 November 2006 dengan pasangannya Pn. Farizahani Wagiman



Pn. Alyani Md. Ariffin, telah melangsungkan perkahwinan pada 10 Disember 2006 dengan pasangannya En. Romeizan Mohamad Rozi



Pn. Azlina Othman telah melangsungkan perkahwinan pada 5 Mei 2007 dengan pasangannya En. Mohd. Azman Zaini



Pn. Alyani Md. Ariffin - Anugerah Cemerlang sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KUIM 2006 yang diadakan pada 8 Disember 2006



Pn. Marhaniza Abdul Halim,- Anugerah Terpuji sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KUIM 2006 yang diadakan pada 8 Disember 2006

**SENARAI KURSUS / SEMINAR / DLL YANG DIHADIRI OLEH KAKITANGAN PERPUSTAKAAN
SEPANJANG NOVEMBER 2006 – APRIL 2007**

NAMA PESERTA	NAMA KURSUS/TEMPAT / ANJURAN	TARIKH
Norlizawaty	Kursus Pelupusan Rekod dan Dokumen Rasmi di Bilik Mesyuarat Utama FKP	03 November 2006
Mohd Helmi, Norlizawaty, Harianti, Ahmad Abdul Wafi, Ahmad Yazid, Shahrim	Bengkel Pelupusan Fail di Bilik Mesyuarat Utama FKP	9 November 2006
Marhaniza	Simposium Pengurusan Hal Ehwal Islam Peringkat Kebangsaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa anjuran JAKIM	20 November 2006
Nor Azzah	Seminar Perkongsian Ilmu: Pengalaman dari IFLA anjuran Persatuan Pustakawan Malaysia bertempat di Perpustakaan Negara Malaysia	28 Nov 2006
Hafas	Kursus Pembantu Perpustakaan Pusat Maklumat di Bayu Beach Resort, Port Dickson	3-6 Disember 2006
Nor Azzah, Hasmida, Aishahtun, Norlizawaty	Bengkel Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja di Nilai Spring Golf & Country Club	19-21 Disember 2006
Nor Azzah	Bengkel Latihan Pemantapan Pengendalian Enam (Mandatori Sistem Pengurusan Kualiti ISO) anjuran Unit Pengurusan Kualiti bertempat di Nilai Springs	7-9 Februari 2007
Azlina , Suharti	Attachment di Bahagian Perolehan, Bahagian Katalog, Bahagian bahasa Arab & Tamadun Islam di Perpustakaan Tun Sri Lanang , UKM.	12 – 15 Februari 2007
Harianti, Hasrizal, Mohamad Yusrifuddin	Attachment di UKM -Perpustakaan Tun Sri Lanang	12-16 Februari 2007
Aishahtun	Seminar Pembangunan Sumber Manusia : Pembangunan Insan Lestari di Hotel Bayview, Langkawi anjuran UUM	13-15 Februari 2007
Jasmin, Nor Azzah	Bengkel Penyediaan Belanjawan Mengurus 2008-2009 anjuran Jabatan Bendahari bertempat di Melaka Watercity Resort, Melaka	2-4 Mac 2007
Nur Haizum Rafeah	Kursus Induksi Khusus & Umum Kump.Sokongan 1 & 2 di Nilai Springs Golf n Country Club	5-16 Mac 2007
Mohamad Yusrifuddin ,Siti Aminah, Hafas, Suharti	Kursus BTN di Kelang	18-21 Mac 2007
Marhaniza	Bengkel Kemahiran Perundingan Pangkalan Data Komersial di Hotel Residence Uniten anjuran UIAM	20 – 30 Mac 2007
Marhaniza, Norlizawaty , Rafeah, Nur Haizum, Irwan Effendy, Marfizah , Zulkarnain, Siti Aminah, Marzuki	Kursus Pelanggan Sebagai Rakan Kongsi di DKS 1.5 FSU, USIM	3 – 5 April 2007
Sanizan, Norlizawaty	Kursus Protokol, Pengacaraan Majlis dan Ketrampilan Diri, anjuran Unit Latihan USIM dan kerjasama INTAN di Allson Klana, Nilai	7-8 April 2007
Nor Azzah, Marhaniza	Kursus Metodologi Penyelidikan bagi kakitangan yang bakal bercuti belajar anjuran Unit Cuti Belajar, bertempat di Hotel Empress, Sepang	9-13 April 2007
Mohd Helmi, Norlizawaty, Aishahtun, Ahmad Abdul Wafi, Hafas, Alyani	Kursus Better Spoken English anjuran Unit Latihan dengan Kerjasama Institut Tadbiran Negara (INTAN)	10-12 April 2007
Jasmin, Nor Azzah, Marhaniza	Kursus Kendiri anjuran KSK di Port Dickson	13-15 April 2007
	Bengkel Perancangan Kerja Tahunan anjuran Jabatan Pendaftar di Allson Klana, Nilai	17-19 April 2007

CARTA ORGANISASI JABATAN PERPUSTAKAAN USIM




UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
 جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
 ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



KETUA PUSTAKAWAN
En. Jasmin Jainon



SETIAUSAHA
Pn. Alyani Md Ariffin



Buletin Iqra' - 12